

## **Menerima keputusan ujian gen BRCA1 dan BRCA2 negatif Lembaran Maklumat Pesakit (PIS-2)**

---

Lembaran maklumat ini adalah untuk pesakit kanser yang menjalani ujian gen BRCA1 dan BRCA2. **Keputusan ujian anda adalah negatif, yang bermaksud tiada varian patogenik (perubahan signifikan) yang diketahui penyebab penyakit dikesan dalam gen BRCA1 dan BRCA2.**

### **Apakah makna keputusan ini kepada saya?**

Ini bermakna kami tidak menemui perubahan signifikan pada gen BRCA1 atau BRCA2 yang mungkin berkaitan dengan kanser anda atau boleh menyebabkan anda berisiko tinggi untuk menghidap kanser lain. Pasukan kanser akan berbincang dengan anda jika keputusan ini memberi kesan pada pelan rawatan anda.

Kebanyakan wanita yang menghidap kanser payudara atau ovari tidak mempunyai varian patogen BRCA1 atau BRCA2 ditemui dalam sampel mereka. Walau bagaimanapun, anda mungkin ingin berbincang lebih lanjut dengan pasukan kanser atau genetik jika anda mempunyai sejarah keluarga yang kuat dalam kanser payudara, kanser ovari atau kanser lain, atau jika anda menghidap kanser pada usia muda yang tidak lazim.

Beberapa perubahan gen mungkin tidak dapat dikesan dalam ujian makmal semasa. Perubahan dalam gen lain jarang sekali boleh dikaitkan dengan kanser payudara atau ovari. Penemuan gen baru lain yang mungkin terlibat sebagai penyebab kanser payudara atau ovari masih dalam kajian buat masa ini. Pasukan kanser atau genetik akan berbincang dan mungkin menawarkan ujian gen lain kepada anda jika bersesuaian.

### **Apakah makna keputusan ini untuk ahli keluarga saya?**

Keputusan ini tidak mempunyai potensi implikasi kepada ahli keluarga anda. Risiko kanser mereka mungkin sama dengan populasi umum atau meningkat jika terdapat sejarah keluarga yang kuat menghidap kanser. Sama ada anda ingin berkongsi keputusan anda dengan ahli keluarga anda adalah pilihan anda.

Walaupun bagaimanapun, ahli keluarga anda mungkin ingin berbincang lebih lanjut dengan pasukan kanser atau genetik jika mereka mempunyai sejarah keluarga yang kuat menghidap kanser payudara, kanser ovari atau kanser lain, atau jika terdapat mereka yang mendapat kanser pada usia muda di luar kelaziman.

Wanita berumur 50-74 tahun yang memiliki risiko purata mendapat kanser payudara (iaitu, tidak berisiko lebih tinggi) harus menjalani pemeriksaan mamografi setiap dua tahun. Walau bagaimanapun, tiada saringan yang berkesan untuk kanser ovari buat masa ini.

Jika mana-mana ahli keluarga anda ingin membincangkan risiko mereka mendapat kanser, mereka boleh bercakap dengan doktor pakar keluarga mereka. Doktor keluarga boleh merujuk mereka ke klinik genetik jika bersesuaian.

### **Kepada siapa saya harus bercakap jika saya mempunyai persoalan lanjut?**

Anda boleh menghubungi pasukan kanser atau perkhidmatan kaunseling genetik jika anda mempunyai soalan lanjut tentang keputusan ujian genetik anda.